




JOHARI ABDUL GHANI (tiga dari kiri) bersama Ketua Aktivis PPIM, **Datuk Nadzim Johan** (dua dari kiri) melancarkan **Forum Pengguna 2015** di Kuala Lumpur, semalam.

Pengguna tidak lagi dibebankan walaupun selepas GST

Harga kad tambah prabayar kekal?

Oleh **FARHANA JONI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 18 OKT.**

JABATAN Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan mengumumkan harga kad tambah nilai prabayar telefon kembali seperti sebelum pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), pada 1 November ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, JKDM telah berbincang mengenai perkara itu dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) supaya pengguna tidak lagi dikenakan bayaran tambahan apabila membeli kemudahan tersebut.

Katanya, kerajaan tidak akan berkompromi dengan syarikat telekomunikasi (telco) yang gagal melaksanakan langkah itu dan bersedia mengambil tindakan selanjutnya jika mereka masih berdegil.

“Macam mana Telco mahu caj, mereka kena fikirkan cara itu. Yang penting rakyat beli RM10 dapat nilai RM10. Kita mahu JKDM buat susulan dengan SKMM dan buat pengumuman pada 1 November ini,” ka-

tanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Forum Pengguna 2015 anjuran Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) di Dewan Razakian, Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), di sini hari ini.

Menurutnya, kerajaan tidak boleh menerima alasan daripada pihak telco seperti sebelum ini bahawa sistem komputer mereka belum bersedia, kerana tempoh yang telah diberikan kepada telco terlalu lama.

“Jika pihak telco masih memberi alasan tidak bersedia sekalipun, mereka perlu juga patuh pada arahan ini iaitu mengekalkan harga kad tambah nilai seperti asal. Sebab, secara logiknya kalau pihak telco tidak bersedia, kenapa pengguna pula yang kena tanggung kos tambahan,” katanya.

Dalam sesi forum ketiga yang bertajuk GST membawa kemakmuran dan kesengsaraan? - satu kajian semula, Johari turut menjadi ahli panel bersama Penasihat Persatuan Pemborong dan Peruncit Muslim Malaysia (Mawar), Bazeer Ahmad.

Awal Mei lalu, telco telah menawarkan dua pilihan yang tidak menyebelahi rakyat iaitu bersetuju menjual kad tambah nilai prabayar

pada harga RM10.60 tetapi apabila diaktifkan pengguna menerima nilai RM10 manakala pilihan kedua pembelian pada harga RM10 dan apabila diaktifkan, pengguna hanya menerima RM9.43.

Dalam perkembangan lain, Johari turut memberitahu, kira-kira 70,000 peruncit di seluruh negara diwajibkan menggunakan sistem di tempat jualan atau Point of Sales bagi memantau jualan dan stok barangan dengan lebih efisien, sistematik dan teratur.

Katanya, kerajaan memberi tempoh kepada para peruncit untuk menukar sistem konvensional kepada POS selama sebulan bermula awal bulan ini.

“Sistem ini juga dapat membantu pengguna supaya tidak terus ditipu oleh peniaga yang sengaja mengenakan GST kepada semua produk yang dibeli termasuk barangan yang dikecualikan cukai tersebut.

“Kerajaan juga telah menyediakan ramai pembekal sistem POS ini bagi membantu golongan peniaga kecil dengan menawarkan pelbagai pakej pilihan seperti murah, mudah dan bayaran ansuran serendah RM30 sebulan,” katanya.

GST: Kronologi kad tambah nilai prabayar

1 April - Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek berkata, isu berhubung kad tambah nilai prabayar yang dikenakan GST syarikat telekomunikasi akan dibawa untuk perhatian Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

2 April - Semua syarikat telekomunikasi (Telco) akan mengenakan GST sebanyak enam peratus pada kad tambah nilai prabayar yang dibeli.

3 April - Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, empat syarikat Telco utama negara sedia memberikan bonus kepada semua pengguna perkhidmatan prabayar sepanjang bulan ini, sebelum memperkenalkan harga baharu kepada perkhidmatan tersebut.

5 April - Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan memberitahu harga tambah-nilai akan kembali seperti biasa bermula 1 Mei.

29 April - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengeluarkan kenyataan rasmi mengatakan cukai GST akan dikekalkan ke atas kad prabayar sepanjang bulan Mei.

● Sebagai contoh kad prabayar dengan nilai kredit RM10 akan dijual pada harga RM10.60 selepas dikenakan GST.

30 April - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) meneguhkan arahan kepada syarikat telekomunikasi untuk mengekalkan harga asal perkhidmatan kad prabayar yang dijadualkan berkuat kuasa pada 1 Mei 2015.

Pada hari sama, Pengerusi SKMM, Datuk Seri Dr. Halim Shafie dalam satu kenyataan berkata, kajian yang dijalankan bagi menilai sama ada pengguna cenderung kepada nilai isian semula yang lebih rendah di mana GST akan dikenakan.

● Katanya, mustahil untuk pihak pembekal untuk melaksanakan pertukaran dalam tempoh dua hari ini. Kedua, hasil kajian belum dikeluarkan lagi dan terlalu awal untuk membuat sebarang keputusan pada peringkat ini.

1 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melalui akaun Twitter miliknya mengarahkan Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk mengendalikan isu berkaitan kad tambah nilai prabayar.

● Tegas Perdana Menteri, hanya menteri berkenaan iaitu Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang boleh membuat

sebarang kenyataan berhubung perkara tersebut.

6 Mei - Kerajaan muktamad mengekalkan harga pembelian kad tambah nilai prabayar seperti sebelum pelaksanaan GST selain menyifatkan kajian Telco mengenai mekanisme harga pembelian itu tidak lagi relevan.

● Dua pilihan yang diberikan adalah pembelian kad tambah nilai prabayar pada harga RM10.60 dan apabila diaktifkan, pengguna menerima nilai RM10 manakala pilihan kedua, pembelian pada harga RM10 dan apabila diaktifkan, pengguna hanya menerima RM9.43.

13 Mei - Kabinet bersetuju kadar GST ke atas perkhidmatan prabayar telefon akan dikenakan berdasarkan penggunaan.

● Pelaksanaan GST berdasarkan penggunaan akan berkuatkuasa sepenuhnya dalam tempoh enam bulan lagi dan buat masa ini penggunaan akan dikenakan caj seperti biasa.

15 Jun - Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, tiada peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas syarikat Telco supaya mereka menyerap GST.